



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN ALUAN

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH PERDAGANGAN DALAM NEGERI
(APDN) 2020

“Bersepakat dan Bersatu Menghadapi Cabaran”

PADA

23 NOVEMBER (SELASA) 2021

TEMPAT

PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (KLCC)

Salam Sejahtera,

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob

Perdana Menteri Malaysia

Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali

Menteri Kanan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Yang Berhormat Dato' Rosol Bin Wahid

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Zuki bin Ali

Ketua Setiausaha Negara

Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad

**Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal
Ehwal Pengguna**

Pegawai – Pegawai Kanan Kerajaan,

**YBhg Tan Sri, Dato' Seri, Dato', Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, yang
dihormati sekalian**

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada YAB Perdana Menteri Malaysia kerana sudi untuk bersama-sama kita pada malam ini bagi menjayakan Majlis Anugerah Perdagangan Dalam Negeri (APDN) 2020. Saya berharap masih tidak terlalu lewat bagi saya dan seluruh warga

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengucapkan tahniah atas perlantikan YAB Dato' Sri sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-9. **Tahniah YAB Dato' Sri.**

2. Sesungguhnya perlantikan YAB Dato' Sri sebagai Perdana Menteri Malaysia adalah amat istimewa kepada seluruh warga KPDNHEP. Saya percaya KPDNHEP merupakan sebuah kementerian yang sangat dekat dihati YAB Dato' Sri yang pernah menerajui kementerian ini.
3. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua tetamu yang dapat hadir pada hari ini terutamanya kepada semua pemain industri yang terlibat, kerana kita sedia maklum bahawa tahun 2020 dan 2021 ini merupakan tahun yang cukup getir bagi kita semua.

Hadirin yang dihormati sekalian

4. Sebagai kementerian yang menerajui perdagangan domestik, KPDNHEP sentiasa komited dalam memastikan proses pemulihan semula ekonomi negara dan bersama-sama dalam memastikan penjana ekosistem perdagangan domestik yang berdaya saing dan mampan, selaras dengan konsep "**Keluarga Malaysia**" khususnya dibawah **Nilai Kebersamaan** untuk "**Bersepakat dan Bersatu Dalam Menghadapi Cabaran**" sebagai sebuah keluarga besar.
5. Pada malam ini, Anugerah Perdagangan Dalam Negeri (APDN) 2020 adalah merupakan yang julung-julung kali diadakan sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih Kerajaan di atas peranan penting yang dijalankan oleh pemain industri sebagai barisan hadapan ekonomi domestik negara.

6. Untuk makluman hadirin sekalian, APDN 2020 pada kali ini melibatkan sebanyak 25 kategori anugerah meliputi Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS), Kedai Harga Patut, Francais, Jualan Langsung, Peruncitan, E-Dagang, Media dan Stesen Minyak.
7. Dengan pelaksanaan APDN 2020, ianya diharap dapat menjadi pemangkin serta motivasi kepada barisan hadapan ekonomi agar bekerja dengan lebih gigih dan penuh kesungguhan pada tahun 2021. Seterusnya menggerakkan sektor peruncitan untuk kembali memberi sumbangan signifikan kepada pencapaian sektor perkhidmatan negara.
8. Selain memberi penghargaan kepada barisan hadapan ekonomi dalam membantu memulihkan ekonomi negara khususnya semasa pandemik COVID-19 ini, APDN 2020 ini turut memberikan pengiktirafan kepada barisan hadapan ekonomi di atas setiap usaha dan inovasi yang dilaksanakan, demi kelangsungan kepada perniagaan sedia ada.
9. Pada masa yang sama, APDN 2020 ini dapat memberikan serta meningkatkan persaingan sihat dalam sektor peruncitan, PKS dan kepenggunaan. Ianya termasuk membina rangkaian hubungan baik dan memperluas kerjasama di antara Kementerian dan pemain industri yang berkaitan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Sesungguhnya kita amat bertuah kerana berada dibawah kepimpinan Kerajaan yang sangat prihatin kepada semua golongan rakyat. Dengan kelonggaran semula semua sektor ekonomi secara berperingkat dan

sistematik sememangnya memberikan implikasi yang positif kepada pemulihan semula sektor peruncitan ini. **Tahniah dan Terima Kasih YAB Perdana Menteri.**

11. Akhir kata, saya mewakili seluruh warga Kementerian sekali lagi merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua pemain industri serta persatuan-persatuan atas perkhidmatan dan kerjasama yang diberikan selama ini.
12. Tahniah kepada penerima anugerah pada malam ini serta terima kasih kepada urusetia dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis APDN 2020 pada hari ini. Semoga APDN 2020 ini memberikan semangat dan motivasi kepada semua pemain industri dalam memberikan sumbangan yang lebih besar kepada negara.

Sekian. Terima kasih.